

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN MD.  
RAMLI [ LUMUT ]**

**TARIKH : 24 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI [ LUMUT ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah pelan jangka panjang Kementerian untuk menyelesaikan isu pegawai kontrak UD41 selain memberikan mereka gred sementara iaitu UD43.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kerajaan dari semasa ke semasa berusaha untuk menyelesaikan isu-isu berbangkit berkaitan dengan pegawai di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berdasarkan kepada dasar-dasar dan peraturan yang berkuatkuasa.
2. Antara langkah yang diambil adalah KKM sentiasa berusaha untuk meningkatkan bilangan perjawatan Pegawai Perubatan dan melantik pegawai secara kontrak menerusi permohonan kepada Agensi Pusat. Usaha untuk menambah perjawatan ini walau bagaimanapun **bergantung kepada keperluan sedia ada dan baharu di fasiliti kesihatan serta keupayaan kewangan Kerajaan, bukannya bergantung kepada faktor jumlah keluaran graduan.**
3. Manakala, langkah Kerajaan melaksanakan **lantikan kontrak merupakan salah satu langkah penyelesaian kepada isu perjawatan**

tetap yang terhad boleh diwujudkan berbanding dengan jumlah keluaran graduan yang sentiasa meningkat.

4. Kementerian Kesihatan sentiasa menghargai setiap pegawai yang berkhidmat dan berusaha untuk melakukan penambahbaikan terhadap laluan kerjaya bagi skim perkhidmatan yang terlibat, terutama bagi Pegawai Perubatan.

5. Salah satu penambahbaikan yang telah dibuat adalah, Kerajaan pada 13 November 2020 telah bersetuju dengan permohonan KKM untuk menyelaraskan perubahan gred pegawai perubatan kontrak yang berkenaan daripada Gred UD41 kepada Gred UD43. Pelaksanaan ini merupakan manifestasi keprihatinan Kerajaan terhadap pegawai dan selaras dengan prinsip *rate for the job* (dengan izin), urusan ini akan dilaksanakan setelah perkara ini dirujuk kepada Jabatan Perkhidmatan Awam dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Sekian, terima kasih.